

SIARAN MEDIA

UNTUK KELUARAN SEGERA

**PERJANJIAN KERJASAMA TERAJU DAN MAYBANK ISLAMIC BERHAD MENYEDIAKAN
RM600 JUTA KEMUDAHAN MODAL KERJA DAN PEMBIAYAAN PEMBELIAN ASET
UNTUK SYARIKAT TERAS**

Khamis, 18^{hb} Disember 2014, Putrajaya – Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) hari ini memeterai perjanjian kerjasama Dana TeraS bersama Maybank Islamic Berhad (MIB) bernilai RM600 juta. Perjanjian kerjasama ini terus mempamerkan komitmen berterusan pihak TERAJU untuk meningkatkan prestasi keusahawanan dan pemilikan aset di kalangan usahawanan Bumiputera. Melalui usahasama ini, nilai keseluruhan Dana TeraS terus ditingkatkan kepada RM2.2 bilion.

Perjanjian dengan MIB ini memperuntukkan RM300 juta untuk pinjaman modal kerja manakala RM300 juta lagi diperuntukkan sebagai pembiayaan pembelian aset Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS).

Majlis yang berlangsung di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya awal petang tadi menyaksikan Ketua Pegawai Eksekutif TERAJU, En Husni Salleh dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Berhad, En Muzaffar Hisham menandatangani perjanjian berkenaan. Upacara itu disaksikan oleh Y.B. Senator Dato' Sri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dengan termeterainya perjanjian berkenaan, MIB menjadi institusi kewangan keempat yang bekerjasama dalam inisiatif Dana TeraS TERAJU ini. Tiga lagi institusi kewangan yang telah bekerjasama dengan TERAJU sebelum ini adalah SME Bank, RHB Islamic Berhad dan Malaysian Industrial Development Finance (MIDF).

Menurut En Husni Salleh, "Dana TeraS disediakan oleh kerajaan bertujuan untuk membantu Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) meningkatkan perniagaan mereka ke tahap yang lebih tinggi serta mewujudkan 'global champion' di kalangan syarikat Bumiputera".

"Maybank Islamic mempunyai nilai kredibiliti yang tinggi dan adalah di antara pembekal perkhidmatan Kewangan Islam terbesar di negara ini. Dengan termeterainya perjanjian ini, pangkalan data pengguna usahawan Bumiputera di institusi kewangan ini bakal digunakan untuk menggalak lebih ramai usahawan Bumiputera menyertai program TeraS, sekaligus mendapat akses kepada Dana TeraS", tambah beliau lagi,

Selain daripada menawarkan kemudahan pinjaman, Dana TeraS juga disediakan untuk memudahkan pembelian aset dan harta tanah perniagaan (*commercial property*), selaras dengan fokus ketiga Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera iaitu pemilikan aset bukan kewangan. Harapan TERAJU agar syarikat TeraS yang layak dan bakal mendapat dana ini akan menggunakan penjimatan kos yang diraih bagi pembangunan modal insan masing-masing untuk memperhebatkan daya saing mereka, sekaligus meningkatkan kapasiti dan produktiviti.

"TERAJU mengambil pendekatan bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk menggandakan nilai dan impak sesuatu inisiatif dalam pemerkasaan ekonomi Bumiputera. Sehingga November 2014, TERAJU telah berjaya mencipta nilai, peluang perniagaan, pembiayaan dan pembangunan modal insan bernilai lebih RM46.5 bilion. Dengan tersedianya dana ini, saya menyeru syarikat TeraS untuk mengambil peluang meningkatkan kualiti perniagaan, peluang untuk penyenaraian, mengembangkan perniagaan ke persada antarabangsa dan memiliki harta tanah serta premis perniagaan mereka sendiri," jelas En Husni.

Menurut En Muzaffar Hisham, "Langkah ini mempamerkan kesungguhan Maybank Islamic untuk terus memberi sokongan kepada kerajaan dalam menjayakan inisiatif Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera. Melalui kerjasama ini, Maybank Islamic dapat memainkan sedikit

sebanyak peranan di dalam penciptaan nilai, peluang dan pembiayaan bagi usahawan Bumiputera."

Program TeraS telah dilancarkan pada 20 Julai 2011 untuk mengenal pasti syarikat Bumiputera yang berpotensi tinggi dan membantu syarikat ini mencapai peningkatan perniagaan dengan menyediakan peluang perniagaan berdasarkan merit. Dana TeraS pula telah disediakan sebagai kemudahan kewangan bagi syarikat TeraS untuk terus berkembang dan memaksimumkan keupayaan perniagaan mereka. Dana ini adalah salah satu inisiatif di bawah fokus keempat Agenda Pemerksaan Ekonomi Bumiputera iaitu keusahawanan dan perniagaan, agar syarikat TeraS dapat berkembang melangkaui pasaran tempatan dan seterusnya menembusi pasaran global.

Sehingga November 2014, sebanyak RM 1.64 bil Dana Teras telah disediakan untuk syarikat-syarikat TeraS dan sebanyak 247 permohonan pembiayaan bernilai RM 845.42 juta telah diluluskan. Kini, TERAJU mempunyai 857 syarikat Bumiputera yang bernaung di bawah program TeraS.

-TAMAT-

TENTANG UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA (TERAJU)

Penubuhan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak pada 8 Februari 2011 untuk menerajui, menyelaras, memacu serta memperkuuhkan penyertaan golongan Bumiputera di dalam ekonomi melalui inisiatif-inisiatif baru dan sedia ada.

TERAJU juga akan mengemukakan cadangan pembaharuan atau reformasi institusi untuk meningkatkan tahap keberkesanan institusi-institusi berkenaan. Ia telah diperkenalkan sebagai satu "Game Changer" bagi mengukuhkan Agenda Pembangunan Bumiputera. Matlamat utamanya ialah untuk membolehkan komuniti Bumiputera turut sama meraih peluang dan mendapat manfaat dari pertumbuhan ekonomi yang pesat. TERAJU turut merupakan Sekretariat kepada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB).



TENTANG MAYBANK ISLAMIC BERHAD (MIB)

Maybank Islamic adalah peneraju institusi perbankan Islam terkemuka ASEAN dan bank komersial Islam terbesar di Malaysia dengan penguasaan pasaran sebanyak 32% daripada pembiayaan Islam dan deposit sebanyak 25%. Pada tempoh kewangan yang berakhir pada September 2014, jumlah aset Maybank Islamic berjumlah RM135.6 bilion, mencatatkan pertumbuhan sebanyak 19% tahun ke tahun.

Dikeluarkan oleh bzBee Consult Sdn Bhd bagi pihak Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Felicia Ds Dousi – 010 290 3092, felicia@bzbee.com.my
Alia Wahidin – 017 991 5354, alia@bzbee.com.my